

12 NOV 1999

Wanita-Johor

UMNO JOHOR TONJOLKAN MUKA BARU DI KALANGAN WANITA

JOHOR BAHRU, 12 Nov (Bernama) -- Umno Johor akan menonjolkan beberapa muka baru di kalangan wanita untuk bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov ini, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor Datuk Abdul Ghani Othman hari ini.

"Calon wanita akan dikembangkan dari segi bilangannya. Bagaimanapun, jumlahnya belum tahu lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Wanita peringkat negeri Johor di sini.

Beliau enggan mengulas lanjut sama ada pertambahan kerusi untuk Wanita Umno di Johor ialah bagi kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen.

Pada pilihan raya umum 1995, Wanita Umno telah mengetengahkan empat calon. Mereka ialah Datuk Sabariah Ahmad (Jorak), Halimah Sadique (Gunung Lambak), Khatijah Mohd Som (Pulai Sebatang) dan Puan Sri Atkah Abdullah (Seri Medan).

Bagi kerusi Parlimen hanya seorang wanita bertanding iaitu Siti Zainab Abu Bakar (Tebrau) yang kini telah dipecat daripada parti.

Bagaimanapun, terserahlah kepada pucuk pimpinan parti untuk mempersetujui pencalonan yang dikemukakan oleh Umno Johor, kata Abdul Ghani yang juga Menteri Besar.

Menurutnya, beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin untuk membincangkan senarai calon Barisan Nasional (BN) bagi Johor.

Pada majlis itu, Abdul Ghani menyeru kaum wanita supaya keluar mengundi kerana 60 peratus daripada jumlah pengundi di Johor terdiri daripada kaum wanita.

-- BERNAMA

BH FAZ